

Ketua Pemuda: Mahathir minta ahli-ahli tentukan sendiri

UM 16 AUG 1982

KUALA LUMPUR 15 Ogos - Ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO hari ini diminta menentukan sendiri sama ada mereka mahu perubahan atau tidak dalam stail dan pucuk pimpinan mereka.

Presiden UMNO Malaysia Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau tidak masuk campur dalam soal perebutan jawatan ketua pergerakan itu di antara Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dengan Encik Anwar Ibrahim.

Ketika ditanya tentang pertandingan tersebut, beliau menegaskan bahawa pertandingan yang sihat memang dibenarkan oleh perlembagaan parti untuk menentukan pucuk pimpinan.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO supaya "bersedia menerima hakikat bahawa dalam per-

tandingan itu, akan ada satu pihak yang menang dan satu lagi kalah."

"Kedua-dua pihak, yang menang dan kalah, hendaklah menerima keputusan para penyokong pergerakan dengan hati yang terbuka, dan saya tidak mahu melihat sebarang peristiwa yang pahit timbul dari pertandingan ini," tegas beliau lagi.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO sekarang, Datuk Haji Suhaimi akan ditentang oleh muka baru Encik Anwar Ibrahim dalam pemilihan pucuk pimpinan pergerakan awal September ini.

Presiden UMNO itu

berkali-kali mengelak daripada menjawab beberapa soalan para pemberita yang dirasakan tidak adil kepada calon-calon tertentu.

Ditanya tentang prestasi Pergerakan Pemuda UMNO sekarang ini misalnya Datuk Sri Dr. Mahathir hanya menjawab bahawa beliau tidak harus menilai pergerakan itu.

Ditanya pula sama ada pergerakan memerlukan arah baru atau perubahan, beliau berkata perkara itu adalah terserah kepada ahli-ahli pergerakan seluruhnya.

Katanya, setiap pemimpin adalah berbeza dari segi stail jika dibandingkan dengan pemim-

pin lain.

"Contohnya stail saya dengan pemimpin yang lalu adalah berbeza. Perbezaan itu adalah perkara biasa. Tetapi perubahan itu sama ada menjadi lebih baik atau lebih buruk, itu saya tak tahulah," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa pertandingan antara Datuk Haji Suhaimi dengan Encik Anwar Ibrahim itu "tidak akan menjejaskan kekuatan UMNO."

Jika UMNO takut kepada pertandingan seperti itu, kata beliau, perlembagaan parti tidak akan memberikan peruntukan yang membenarkan pemilihan tersebut.

Parti UMNO yang mempunyai kekuatan 750,000 orang anggota menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, tidak akan terjejas dengan pertandingan untuk jawatan pucuk pimpinan seperti itu.

Sementara Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin berkempen atas isu perjuangan Dasar Ekonomi Baru dan penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran serta rekod beliau sebagai Ketua Pergerakan, Encik Anwar Ibrahim, kini Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh, berkempen atas isu "arah baru bagi pergerakan dan nilai-nilai Islam."